

01/03/1997

Ketua Umno Kangar sedia beri laluan

KANGAR, Jumaat - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, berhasrat melepaskan jawatannya sebagai Ketua Umno Bahagian Kangar bagi memberi laluan kepada pemimpin pelapis yang berkaliber.

Bekas Menteri Besar itu menyatakan hasrat berkenaan dalam Perhimpunan Aidilfitri anjuran Umno Bahagian Kangar di Dewan Warisan, di sini malam kelmarin.

Beliau memegang jawatan itu sejak 1994 selepas persempadanan semula dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Sebelum itu, beliau adalah Ketua Umno Bahagian Arau yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Perlis.

Selepas melepaskan jawatan Menteri Besar sebelum Pilihanraya Umum 1995, jawatannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri diserahkan kepada Datuk Seri Shahidan Kassim yang dilantik sebagai Menteri Besar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kemudian melantik Abdul Hamid sebagai ahli MT selepas Perhimpunan Agung Umno, Oktober tahun lalu.

(END)